

# Dasar Privasi

## 1. PENGENALAN

- 1.1** PERSOLKELLY Workforce Solutions Malaysia Sdn. Bhd. dan Agensi Pekerjaan PERSOLKELLY Malaysia Sdn. Bhd. (“**Syarikat**”, “**kami**”, “**kita**””) menghormati privasi anda dan kami mengakui bahawa anda mempunyai hak tertentu berhubung dengan apa-apa data peribadi yang diperolehi daripada anda dan kami mempunyai obligasi kewajipan tertentu berkenaan dengan data peribadi itu. Syarikat mematuhi undang-undang privasi yang berkenaan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (“**PDPA**”), dan mempunyai tatacara untuk memenuhi keperluan undang-undang itu.
- 1.2** Dasar privasi (“**Dasar Privasi**”) ini akan menerangkan prinsip privasi kami dan/atau amalan kami bagi menghimpun, mengumpul, menyimpan, mengguna dan/atau mendedahkan data peribadi anda. Kami menggalakkan anda untuk menyemak Dasar Privasi ini agar anda memahami bagaimana kami boleh mengumpul, mengguna, mendedah, memproses dan berkongsi data peribadi anda.
- 1.3** Bagi mengelakkan keraguan, “**data peribadi**” bermaksud data, sama ada benar atau tidak, mengenai seseorang individu yang boleh dikenal pasti (a) daripada data itu; atau (b) daripada data itu dan maklumat lain yang dengannya organisasi itu mempunyai atau berkemungkinan mempunyai capaian.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara terma-terma dokumen ini dan versi Bahasa Inggeris yang asal, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

## 2. MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL, GUNA ATAU DEDAHKAN

- 2.1** Untuk membolehkan kami memberi perkhidmatan dan bagi pengendalian perniagaan kami, memberikan perkhidmatan merekrut dan menempatkan individu pada tugas kerja yang berpotensi (dan perkhidmatan yang berkaitan) dengan pelanggan kami dan/atau secara langsung di Syarikat, bertindak sebagai majikan atau pengupah rasmi bagi individu yang diambil kerja atau diambil khidmat oleh Syarikat, atau memberikan perkhidmatan berhubung sumber manusia kepada pelanggan kami, kami mesti mengumpul data peribadi tertentu daripada dan mengenai individu yang merupakan calon, pekerja, kontraktor, dan mantan pekerja.
- 2.2** Jenis data peribadi yang kami kumpul, gunakan, proses, dedahkan dan simpan adalah bergantung pada keadaan dan/atau bagi tujuan yang diperlukan untuk

kami memproses data peribadi anda. Oleh yang demikian, tertakluk kepada yang disebut sebelumnya, data peribadi tersebut mungkin merangkumi:

- Nama;
- Maklumat perhubungan (alamat, nombor telefon, alamat e-mel);
- Pasport atau butiran pengenalan;
- Nombor pengenalan pekerja;
- Tarikh lahir;
- Kandungan mana-mana pengenalan lain yang diberikan kepada Syarikat untuk tujuan permohonan atau pekerjaan;
- Sejarah pendidikan dan pekerjaan;
- Kemahiran dan pengalaman yang berkaitan dengan kerja;
- Kelayakan atau lesen profesional;
- Keahlian dalam organisasi profesional;
- Sebarang maklumat lain yang terkandung dalam Curriculum vitae (CV) individu;
- Status kewarganegaraan dan kebenaran kerja;
- Maklumat kurang upaya dan berkaitan kesihatan;
- Maklumat waris atau hubungan kecemasan;
- Maklumat dari dan berkaitan dengan profil yang diterbitkan secara terbuka yang telah anda buat di platform media sosial dan papan pekerjaan yang berkaitan dengan perkerjaan (seperti LinkedIn, Monster atau Indeed);
- Maklumat yang disediakan oleh rujukan; dan
- Maklumat mengenai minat kerjaya, keutamaan dan kelayakan anda.

**2.3** Di samping itu, dalam keadaan tertentu dan selaras dengan undang-undang semasa, kami mungkin meminta beberapa jenis data peribadi yang dianggap oleh sesetengah negara sebagai “**sensitif**”:

- Pengenalan kebangsaan , pengenalan cukai, nombor pasport atau nombor keselamatan sosial;
- Maklumat akaun kewangan atau bank;
- Keputusan saringan dadah, jenayah dan/atau latar belakang;
- Pilihan faedah yang berpotensi termasuk maklumat insurans kesihatan dan perancangan persaraan;
- Data biometrik;

- Maklumat yang terkandung dalam fail kakitangan anda dengan Syarikat, seperti ulasan prestasi, tindakan tatatertib dan maklumat lain yang berkaitan dengan gaji ; dan
- Maklumat kesihatan, termasuk yang berkaitan dengan tuntutan berkaitan kerja (cth. tuntutan pampasan pekerja).

**2.4** Dalam sesetengah bidang kuasa, bagi mematuhi statut, kaedah-kaedah, dan peraturan- peraturan yang berkaitan dengan peluang pekerjaan saksama atau bagi membantu Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengannya dalam penyusunan data bagi amalan peluang saksama dan pelaporan, kami mungkin meminta anda memberikan maklumat jantina, kaum/etnik atau kecacatan. Pemberian maklumat jenis ini adalah secara sukarela, melainkan jika diperlukan oleh undang-undang, dan kegagalan untuk memberikan maklumat ini tidak akan menghalang peluang pekerjaan atau projek anda.

**2.5** Interaksi anda dengan laman web dan aplikasi mudah alih kami boleh menyebabkan maklumat yang berikut dikumpul, diproses dan disimpan daripada anda:

- Data geolokasi;
- Maklumat lain yang anda berikan kepada kami, seperti melalui kajian, interaksi dengan media sosial kami, atau medium lain yang digunakan untuk menghubungi Syarikat kami.

**2.6** Beberapa laman web kami menghendaki anda memberikan data peribadi anda, apabila anda membuat profil dan akaun log masuk. Tanpa menaip data peribadi anda, sesetengah fungsi ini mungkin membenarkan anda menggunakan alat pengesahan pihak ketiga seperti Facebook, Twitter, dan Google untuk memenuhi sesetengah medan. Dengan membuat pengesahan melalui salah satu pilihan media sosial, anda membenarkan kami menerima data peribadi anda dan maklumat lain yang boleh dicapai oleh alat ini. Maklumat ini akan dimasukkan ke dalam profil anda. Bagi mana-mana alat yang anda pilih untuk digunakan, kami menggalakkan anda supaya mengkaji semula dasar privasi pembekal alat itu dan sebarang terma dan syarat.

**2.7** Kami mungkin menggunakan data peribadi anda untuk membenarkan anda menyertai suapan media sosial secara langsung. Jika anda memilih untuk menyertainya, nama pengguna umum anda mungkin dipaparkan pada laman web itu bersama dengan apa yang anda hantar, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang komen, imej, dan video yang mungkin anda siarkan.

**2.8** Kami mungkin memberikan kepada anda capaian kepada kefungsian pihak ketiga yang membenarkan anda untuk menghantar kandungan kepada akaun media sosial anda. Apa-apa maklumat yang anda berikan kepada akaun media sosial anda melalui penggunaan kefungsian pihak ketiga itu dikawal selia oleh dasar privasi pihak ketiga yang terpakai, dan bukannya Dasar Privasi ini. Bagi mengelakkan keraguan, kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa data peribadi yang anda berikan kepada pihak ketiga itu.

### **3. TUJUAN PENGUMPULAN, PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA**

**3.1** Kami akan/mungkin mengumpul, mengguna, mendedahkan dan/atau memproses data peribadi anda bagi satu tujuan yang berikut atau lebih :

- (a) mentadbir, memproses dan/atau berurusan dengan apa-apa transaksi antara anda dengan Syarikat dan/atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengannya termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang tujuan permohonan pekerjaan atau pekerjaan dengan Syarikat;
- (b) merekrut, menilai dan/atau memadankan anda dengan/untuk jawatan atau tugas yang berpotensi dengan organisasi pihak ketiga (atau pelanggan kami), dan/atau berurusan dengan perkara yang berkaitan dengan itu seperti menawarkan anda suatu penempatan kerja atau tugas dengan organisasi pihak ketiga (atau pelanggan kami) atau merujukkan anda kepada organisasi pihak ketiga (atau pelanggan kami) untuk pekerjaan;
- (c) mentadbir, mengurus dan/atau berurusan dengan peruntukan kerja atau perkhidmatan penempatan tugas untuk anda. Ini termasuklah perkongsian data peribadi anda dengan pelanggan kami atau organisasi pihak ketiga, bagi penempatan yang berpotensi atau peluang pekerjaan dengan pelanggan/organisasi pihak ketiga itu yang sedang mencari pekerja atau petugas, atau dengan organisasi yang kepadanya anda telah ditugaskan untuk bekerja;
- (d) menjalankan arahan anda atau memberi respons kepada sebarang pertanyaan (atau berupa telah diberikan oleh) anda atau bagi pihak anda;
- (e) mentadbir, memudahkan, memproses dan/atau berurusan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan penggunaan mana-mana laman web Syarikat atau perbadanan berkaitan dengannya, apa-apa kefungsian atas laman web atau apa-apa transaksi atau aktiviti yang dijalankan oleh anda atau melalui mana-mana laman web Syarikat atau mana-mana

- perbadanan yang berkaitan dengannya, seperti tetapi tidak terhad kepada suapan media sosial secara langsung;
- (f) memantau, memproses dan/atau mengesan penggunaan apa-apa laman web Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengannya supaya dapat memberikan anda pengalaman yang lancar, memudahkan atau mentadbir penggunaan mana-mana laman web Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengannya, dan/atau membantu kami membaiki pengalaman anda dalam menggunakan laman web Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengannya;
  - (g) menghubungi anda atau berkomunikasi dengan anda melalui panggilan telefon/suara, pesanan teks dan/atau pesanan faksimile, e-mel dan/atau mel pos bagi tujuan mentadbir penggunaan mana-mana laman web Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengannya atau apa-apa transaksi yang anda ada dengan kami, atau bagi perbekalan pekhidmatan kami kepada anda. Anda mengakui dan bersetuju bahawa komunikasi daripada kami mungkin dibuat dengan cara penghantaran surat-menjurut, dokumen atau notis kepada anda, yang mungkin melibatkan pendedahan tentang data peribadi tertentu anda supaya dapat membuat penghantaran surat-menjurut, dokumen atau notis itu serta pada bahagian luar surat/pakej mel;
  - (h) menjalankan usaha wajar atau aktiviti saringan lain (termasuk pemeriksaan latar belakang) mengikut obligasi undang-undang atau pengawal seliaan yang terpakai bagi kami (sama ada Malaysia atau bukan Malaysia), keperluan atau garis panduan pihak berkuasa kerajaan yang kami tentukan sebagai terpakai bagi kami (sama ada Malaysia atau bukan Malaysia), dan/atau tatacara pengurusan risiko kami yang mungkin diperlukan oleh undang-undang (sama ada Malaysia atau bukan Malaysia) atau yang mungkin telah kami laksanakan;
  - (i) menghalang atau menyiasat apa-apa penipuan, aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peninggalan atau salah laku, sama ada atau tidak terdapat kecurigaan tentang perkara yang disebut itu; urusan percanggahan kepentingan; atau urusan dengan dan/atau menyiasat aduan;
  - (j) mewujudkan laporan berkenaan dengan transaksi kami dengan anda, dan/atau mengeluarkan statistik dan penyelidikan mengenai transaksi itu bagi pelaporan dalaman dan/atau berkanun dan/atau keperluan

penyimpanan rekod bagi kami atau perbadanan yang berkaitan dengan kami;

- (k) mematuhi dengan atau sebagaimana yang diperlukan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai, keperluan kerajaan atau pengawalseliaan mana-mana bidang kuasa yang terpakai bagi kami atau perbadanan yang berkaitan dengan kami, termasuklah memenuhi apa-apa keperluan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat kami atau mengikat perbadanan yang berkaitan dengan kami, dan/atau bagi tujuan apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan atau pihak berkuasa lain (sama ada Malaysia atau bukan Malaysia), yang tengganya kami atau perbadanan yang berkaitan dengan kami yang dijangka akan mematuhi;
- (l) mematuhi atau sebagaimana yang diperlukan oleh apa-apa permintaan atau arahan daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan (sama ada Malaysia atau bukan Malaysia) yang kami dijangka patuhi; atau membala permintaan bagi maklumat daripada agensi awam, kementerian, lembaga berkanun atau mana-mana pihak berkuasa yang seumpamanya. Bagi mengelakkan keraguan, ini erti kami boleh/akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang disebut sebelumnya apabila diminta atau disuruh;
- (m) menyimpan, mengehos, membuat sandaran (sama ada bagi pemulihan bencana atau selainnya) data peribadi anda, sama ada dalam atau di luar Malaysia;
- (n) memudahkan, berurusan dengan dan/atau mentadbir audit luaran atau audit dalaman bagi perniagaan Syarikat dan/atau perbadanan yang berkaitan tengganya;
- (o) untuk pemasaran, jika secara berasingan anda telah menunjukkan bahawa anda bersetuju dengan tujuan tersebut. Sekiranya demikian, kami mungkin / akan menghantar anda melalui e-mel, kiriman pos atau cara maklumat pemasaran yang lain dan maklumat pemasaran dan bahan yang berkaitan dengan produk dan / atau perkhidmatan (termasuk produk dan/atau perkhidmatan organisasi pihak ketiga yang mungkin bekerjasama atau menjalin hubungan dengan Syarikat) yang mungkin dijual oleh Syarikat atau syarikat berkaitannya, pemasaran atau promosi, sama ada produk atau perkhidmatan tersebut telah tersedia atau dicipta pada masa akan datang.

- (p) berurusan dengan dan/atau memudahkan transaksi aset perniagaan atau transaksi aset perniagaan yang berpotensi, jika transaksi tersebut melibatkan Syarikat sebagai peserta, dan kemungkinan terdapat organisasi pihak ketiga yang merupakan peserta dalam transaksi tersebut. Istilah "**transaksi aset perniagaan**" ertinya pembelian, penjualan, pajakan, penggabungan atau pencantuman atau apa-apa pemerolehan, pelupusan atau pembiayaan lain bagi suatu organisasi atau sebahagian daripada suatu organisasi atau mana-mana perniagaan atau aset organisasi,  
  
(tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas hendaklah secara kolektif disebut sebagai "**Tujuan**").

**3.2** Syarikat boleh/akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga, sama ada yang bertempat dalam atau di luar Malaysia, bagi satu tujuan di atas atau lebih, memandangkan pihak ketiga tersebut, akan memproses data peribadi anda bagi satu daripada Tujuan di atas atau lebih. Dalam hal ini, anda dengan ini, mengakui, bersetuju dan mengizinkan supaya kami boleh/adalah dibenarkan untuk mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga tersebut (sama ada bertempat dalam atau di luar Malaysia, bagi satu daripada Tujuan di atas atau lebih dan bagi pihak ketiga tersebut untuk kemudiannya mengumpul, mengguna, mendedahkan dan/atau memproses data peribadi anda bagi satu Tujuan di atas atau lebih. Tanpa mengehadkan keluasan perenggan sebelumnya atau perenggan selepasnya yang menyatakan Tujuan itu, pihak ketiga tersebut termasuklah:

- (a) organisasi bersekutu atau bergabung atau perbadanan yang berkaitan dengan kami;
- (b) mana-mana ejen, kontraktor kami atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang memproses atau akan memproses data peribadi anda bagi pihak kami termasuklah tetapi tidak terhad bagi mereka yang memberikan perkhidmatan pentadbiran atau perkhidmatan lain kepada kami seperti syarikat mel, syarikat telekomunikasi, syarikat teknologi maklumat dan pusat data;
- (c) pelanggan kami atau organisasi pihak ketiga, yang mungkin merupakan majikan anda, pengupah atau organisasi yang mengambil anda berkhidmat bagi perkhidmatan anda; dan
- (d) pihak ketiga yang kepadanya pendedahan oleh Syarikat merupakan satu daripada Tujuan atau lebih dan pihak ketiga tersebut sebaliknya akan mengumpul dan memproses data peribadi anda bagi satu daripada Tujuan itu atau lebih.

- 3.3** Persetujuan anda menurut Dasar Privasi ini adalah sebagai tambahan dan persetujuan ini tidak akan menggantikan mana-mana persetujuan lain yang telah anda berikan kepada Syarikat berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda.
- 3.4** Data tanpa nama dan tidak mengenal pasti anda secara peribadi tidak dilindungi di bawah Dasar Privasi ini.
- 3.5** Kami beranggapan bahawa pekerja, ejen dan pembekal kami bertanggungjawab untuk mengekalkan amanah yang diberikan oleh anda pada kami dengan data peribadi anda. Data peribadi anda tidak akan digunakan atau dikongsi kecuali sebagaimana mengikut undang-undang yang terpakai yang berkaitan dengan data peribadi.
- 3.6** Data peribadi anda mungkin dikongsi dengan pembekal pihak ketiga sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3.2 di atas.
- 3.7** Selaras dengan perenggan 3.2 di atas, akibat daripada ruang lingkup operasi Syarikat, perkongsian data peribadi anda dengan entiti kumpulan kami yang lain, pembekal perkhidmatan, dan pelanggan boleh menyebabkan data peribadi anda dihantar ke negara di luar negara yang anda diamini, yang mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang berbeza daripada undang-undang dalam negara kediaman anda. Tanpa menghiraukan sumber atau lokasi destinasi bagi maklumat anda, kami akan pada setiap masa melindungi data peribadi anda sebagaimana yang diperihalkan dalam Dasar Privasi ini, dan mengikuti undang-undang perlindungan data yang terpakai apabila memindahkan data peribadi anda.

#### **4. KUKI DAN SUAR WEB**

- 4.1** Laman web Syarikat menggunakan "kuki" bagi membantu menjadikan pengalaman dalam talian bersifat peribadi. Kuki merupakan suatu pecahan data yang disimpan dalam komputer atau peranti mudah alih pengguna yang berkait dengan maklumat mengenai pengguna tersebut. Kuki juga membenarkan kita mengenal pasti peranti tersebut apabila ia kembali semula ke laman web. Anda boleh menetapkan pelayar anda untuk memberitahu anda sebelum anda menerima kuki, yang memberikan anda pilihan sama ada untuk menerimanya. Anda juga boleh menetapkan supaya pelayar anda menutup kuki itu. Jika anda berbuat demikian, sebahagian kawasan laman web kami mungkin tidak berfungsi dengan betul. Kami menggunakan kedua-dua ID sesi dan kuki gigih. Suatu kuki ID sesi tamat tempoh hanya apabila pengguna menutup pelayar. Kuki gigih ialah fail teks kecil yang disimpan dalam pemacu keras pengguna bagi tempoh masa yang

dilanjutkan. Ini boleh dialihkan dengan mengikut arahan dalam fail bantu pelayar Internet anda.

- 4.2** Bagi membantu kami memberikan perkhidmatan yang lebih baik, kadang kala kami mengumpul maklumat tanpa nama daripada kunjungan ke laman web kami melalui penggunaan “**suar web**”. Pengumpulan maklumat ini tidak dapat mencapai data peribadi anda, namun ia membenarkan kami mencatatkan pengguna yang telah mengunjungi laman web kami. Maklumat tanpa nama ini kadangkala dikenali sebagai “**data strimklik**”. Kami atau vendor kami boleh menggunakan data ini untuk menganalisis trend dan statistik bagi membantu kami memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Jika anda tidak mahu butir-butir transaksi anda digunakan dengan cara ini, lihat perenggan di atas berkenaan kuki.
- 4.3** Kami membenarkan syarikat pihak ketiga, untuk mengumpul maklumat tanpa nama yang tertentu apabila anda mengunjungi laman web kami. Syarikat ini mungkin menggunakan maklumat yang dikenal pasti yang bukan bersifat peribadi semasa kunjungan anda ke laman web kami agar dapat memberikan iklan mengenai barang dan perkhidmatan yang lebih menarik minat anda. Syarikat ini pada kebiasaananya menggunakan kuki atau suar web pihak ketiga untuk mengumpul maklumat ini.
- 4.4** Pautan: Bagi pautan kepada organisasi yang tidak tergabung dengan kami, kami tidak bertanggungjawab bagi amalan privasi atau kandungan laman web tersebut. Kami mengesyorkan supaya anda mengkaji semula terma dan syarat dasar penggunaan dan dasar privasi yang berada pada laman web tersebut.

## 5. HAK DAN PILIHAN ANDA

- 5.1** Jumlah data peribadi yang perlu anda bekalkan apabila anda meminta perkhidmatan kami adalah terhad kepada yang relevan dan munasabah bagi pembekalan perkhidmatan sedemikian atau untuk tujuan data peribadi itu dikumpul.
- 5.2** Apabila anda telah meminta kami melakukan perkara yang berikut, atau sebaliknya telah memberikan keizinan kepada kami untuk melakukan yang berikut, kami mungkin secara berkala menggunakan maklumat hubungan anda untuk menghantar kepada anda kemaskinian melalui e- mel supaya dapat memaklumi anda tentang peluang promosi atau perkhidmatan yang berkaitan dengan interaksi anda dengan kami, seperti kerja-kerja dalam pangkalan data kami yang sepadan dengan kriteria yang anda pilih. Setiap pemberitahuan akan memberikan arahan tentang cara keluar daripada menerima e-mel yang sama daripada perkhidmatan atau sumber yang berdaftar. Pada ketika kami meminta

data peribadi daripada anda, laman web kami juga memberi peluang kepada anda untuk memutuskan komunikasi mana yang anda inginkan untuk terima. Pangkalan data dikemaskinikan secara automatik dengan keutamaan anda apabila anda memilih untuk keluar. Apabila interaksi anda dengan Syarikat menyebabkan pendaftaran perkhidmatan atau sumber yang berbilang, anda mungkin perlu memilih keluar daripada setiap perkhidmatan secara berasingan.

- 5.3** Di samping itu, anda berhak untuk meminta capaian, menarik balik persetujuan anda bagi penggunaan dan pemprosesan, dan meminta pembetulan bagi ketidaksetepatan, data peribadi yang disenggarakan oleh Syarikat mengenai anda, atau yang berada dalam milik Syarikat atau di bawah kawalannya. Kami boleh mengehadkan atau menolak permintaan bagi capaian atau mengenakan fi yang berpatutan bagi capaian, mengikut undang-undang perlindungan data yang terpakai.
- 5.4** Jika anda mencari capaian kepada dan/atau cuba membetulkan data peribadi yang berada dalam milik atau kawalan kami, kami perlu mendapatkan maklumat yang mencukupi daripada anda bagi memastikan identiti anda serta jenis permintaan anda, agar dapat melaksanakan permintaan anda.
- 5.5** Bagi permintaan untuk mengakses data peribadi, setelah kami mempunyai maklumat yang mencukupi daripada anda untuk menguruskan permintaan tersebut, kami akan berusaha untuk memberikan anda data peribadi yang berkaitan dalam masa 30 hari. Sekiranya kami tidak dapat memberi respons kepada anda dalam tempoh 30 hari tersebut, kami akan memberitahu anda tentang masa yang paling cepat di mana kami boleh memberikan anda maklumat yang diminta.
- 5.6** Bagi permintaan untuk membetulkan data peribadi, sebaik sahaja kami mempunyai maklumat yang mencukupi daripada anda untuk menguruskan permintaan itu, kami akan membetulkan data peribadi anda dalam masa 30 hari. Sekiranya kami tidak dapat berbuat demikian dalam tempoh 30 hari tersebut, kami akan memberitahu anda tentang masa yang paling cepat di mana kami boleh membuat pembetulan.
- 5.7** Kami akan memproses permintaan anda untuk menarik balik persetujuan anda dalam masa yang munasabah dari masa permintaan itu dibuat, dan selepas itu tidak akan mengumpul, menggunakan dan/atau mendedahkan data peribadi dengan cara yang dinyatakan dalam permintaan anda. Walau bagaimanapun, penarikan balik persetujuan anda boleh menyebabkan kesan undang-undang yang tertentu berbangkit daripada penarikan balik itu. Dalam hal ini, bergantung kepada takat penarikan balik persetujuan anda untuk kami memproses data peribadi anda, ia mungkin bertujuan bahawa kami tidak dapat meneruskan

pemberian perkhidmatan kami seperti perekrutan, penempatan, atau pengambilan kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## **6. PENTADBIRAN, PENGURUSAN, PERLINDUNGAN DAN PENGEKALAN MAKLUMAT ANDA**

- 6.1** Kami akan menjalankan usaha yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda adalah tepat dan lengkap, jika data peribadi anda berkemungkinan akan digunakan oleh Syarikat untuk membuat keputusan yang melibatkan anda, atau didedahkan kepada organisasi lain. Walau bagaimanapun, ini bermakna anda mestilah memberitahu kami tentang apa-apa perubahan dalam data peribadi anda yang telah diberikan kepada kami pada mulanya. Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya kami telah bergantung pada data peribadi anda yang tidak tepat atau tidak lengkap akibat anda tidak mengemas kini apa-apa perubahan dalam data peribadi yang telah anda bekalkan kepada kami sejak mula.
- 6.2** Kami juga akan melaksanakan langkah pentadbiran secara fizikal dan teknikal yang terkini, munasabah dan sesuai seperti perlindungan “antivirus”, penyulitan, penggunaan tapisan privasi, kawalan akses, perlindungan kata laluan dan pendedahan data peribadi kepada pihak dalaman kami serta pihak ketiga iaitu pihak pembekal dan ejen atas dasar perlu tahu sahaja untuk mengelakkan sebarang akses yang tidak dibenarkan, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, pengubahsuaian, pelupusan, kebocoran, kehilangan, kerosakan dan/atau penggubahan data peribadi anda. Walau bagaimanapun, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas penggunaan tanpa kebenaran data peribadi anda oleh pihak ketiga yang secara menyeluruh telah dikaitkan dengan faktor yang diluar kawalan kami.
- 6.3** Anda perlu ketahui bahawa tiada kaedah penyiaran melalui Internet maupun penyimpanan secara elektronik adalah terjamin keselamatannya. Meskipun keselamatan tidak terjamin, kami akan berusaha untuk melindungi maklumat anda dan senantiasa menyemak serta mempertingkatkan langkah keselamatan maklumat kami.
- 6.4** Kami juga akan menetapkan langkah-langkah supaya data peribadi anda yang berada dalam milik atau kawalan kami dimusnahkan dan/atau dihilangkan maklumatnya sebaik sahaja munasabah untuk menganggap bahawa (i) pengekalan data peribadi tersebut tidak lagi memenuhi tujuan ia dikumpul; dan (ii) pengekalan data itu tidak lagi diperlukan bagi apa-apa tujuan undang-undang atau perniagaan lain.
- 6.5** Sekiranya data peribadi anda akan dipindahkan keluar dari Malaysia, kami akan mematuhi PDPA dalam berbuat demikian. Dalam hal ini, ini termasuk kami

mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa organisasi luar negara yang menerima data peribadi tersebut terikat dengan kewajipan yang dikuatkuasakan secara sah untuk memberikan kepada data peribadi yang dipindahkan sebagai standard perlindungan yang sekurang-kurangnya setanding dengan perlindungan di bawah Akta. Ini mungkin termasuk kami memasuki kontrak yang sesuai dengan organisasi luar negara yang berurusan dengan pemindahan data peribadi atau membenarkan pemindahan data peribadi tanpa kontrak sedemikian jika PDPA atau undang-undang membenarkan kami.

## 7. NOTIFIKASI PELANGGARAN DATA

- 7.1** Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran keselamatan yang membawa kemusnahan tidak sengaja atau menyalahi undang-undang, kehilangan, penggubahan, pendedahan tanpa kebenaran, atau akses kepada data peribadi, kami dengan segera akan menilai impaknya dan sekiranya ia adalah pelanggaran data yang perlu dimaklumkan, kami akan melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa yang berkaitan berdasarkan keperluan pemakluman pelanggaran data Negara. Kami juga akan memaklumkan kepada anda sekiranya pelanggaran tersebut boleh menyebabkan kemudaratuan yang ketara kepada anda selepas kami memaklumkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Kami juga akan memaklumkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan jika perlu.
- 7.2** Jika kami adalah Pengantara Data, kami akan memaklumkan kepada Pengawal Data (pelanggan kami) dengan kadar segera mengenai sebarang pelanggaran data supaya mereka boleh menilai dengan segera kesannya dan mematuhi kewajipan pemberitahuan pelanggaran data mereka.

## 8. KEMASKINI DASAR PRIVASI INI

Kami mungkin mengemaskinkan Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa. Jika kami mengubah Dasar Privasi kami, kami akan menyiarkan versi yang disemak di sini, dengan tarikh semakan yang telah dikemas kini.

## 9. HUBUNGI KAMI

Jika anda mempunyai apa-apa soalan, rungutan atau aduan, atau komen mengenai Dasar Privasi ini dan/atau pengendalian data peribadi anda oleh kami, sila hubungi pegawai Perlindungan Data Peribadi kami di:

Alamat: Tingkat 19 & 20, Menara AIA Sentral, No. 30 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Untuk Perhatian: En. Harjeet Singh Sukhdarshan Singh  
Email: [mypdpa@persolkelly.com](mailto:mypdpa@persolkelly.com)

---

Sila ambil perhatian bahawa untuk sebarang resume atau permohonan kerja yang dihantar ke peti mel ini TIDAK akan dilayan kerana peti mel ini semata-mata untuk tujuan maklum balas berkaitan perlindungan data peribadi.

Untuk penyerahan resume atau permohonan pekerjaan, sila hantar kepada kami di [MYinfo@persolkelly.com](mailto:MYinfo@persolkelly.com), atau lawati laman web kami di <https://www.persolkelly.com.my> untuk maklumat lanjut.

---